

### DS 1.2: Penyediaan Bekalan Elektrik yang Berkualiti dan Berterusan

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

**Justifikasi Cadangan:**

- Isu gangguan bekalan terputus.
- Keperluan bekalan bagi kawasan perumahan baru (generasi muda).
- Keperluan bekalan bagi kawasan ladang ternakan.

**Komponen Cadangan:**

- Menaiktaraf kapasiti stesen bekalan elektrik TNB sedia ada.
- Menyediakan sistem Hibrid Solar TNB + jana kuasa Diesel TNB di kawasan ternakan.
- Pemasangan sistem tenaga solar persendirian.

**Kaedah Pelaksanaan:**

- Pelaksanaan projek dengan kerjasama awam dan swasta.
- Agensi kerajaan melantik TNB untuk kajian lanjut, reka bentuk, pembinaan stesen, pengujian dan pentauliahkan sistem Hibrid Solar + Janakuasa Diesel.
- Agensi kerajaan memudahkan proses memberi kebenaran guna tanah untuk tapak pencawang atau stesen Hibrid Solar.

**Sasaran Pembangunan:**

- 100% penduduk desa mendapat bekalan elektrik berkualiti yang berterusan menjelang 2030.
- Selaras dengan sasaran dasar PPMJ 2030 bagi membolehkan 100% penduduk desa menikmati bekalan elektrik 24 jam sehari sepanjang tahun menjelang 2030.
- Selaras dengan aspirasi DPLB 2030 bagi menyediakan bekalan elektrik 24 jam untuk rumah-rumah kampung menjelang tahun 2030.
- Selaras dengan DPF Desa Negara 2030 bagi membolehkan 100% rumah-rumah kampung menerima bekalan elektrik 24 jam samada dari Grid TNB atau Hibrid Solar TNB.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **12 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar / Desa
Muar	1	1
Segamat	-	8
Tangkak	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>11</b>

#### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPKK</li> <li>• Pejabat Daerah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPLB</li> <li>• TNB</li> <li>• BPEN</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

- Kos bagi penyediaan bekalan elektrik, naik taraf dan penyelenggaraan bekalan sedia ada

**Jumlah anggaran kos terlibat: RM 5,000,000**

#### FASA PELAKSANAAN



## Penemuan Strategik


Penemuan kajian mendapati 12 kampung (2%) dikenal pasti menghadapi masalah berkaitan bekalan elektrik. Masalah yang dihadapi termasuklah isu gangguan bekalan elektrik terputus, tekanan air rendah, penggunaan telaga, isu paip lama, ketiadaan bekalan di kawasan perumahan baru dan di kawasan ternakan serta lokasi rumah yang jauh dari tiang elektrik sedia ada.

Secara keseluruhannya, lapan (8) kawasan kampung di Daerah Segamat masih menghadapi isu bekalan elektrik yang berterusan 24 jam. Hal ini berikutan masalah penyelenggaraan dan penyediaan infrastruktur elektrik bagi kemudahan kawasan perumahan terutamanya yang melibatkan generasi muda. Selain itu dua (2) kawasan kampung di Daerah Muar masih tidak mempunyai bekalan elektrik bagi kawasan ladang ternakan yang melibatkan jalan ladang kebun dan jalan sawah padi berikutan faktor lokasi tapak yang jauh.

Daerah Tangkak mencatatkan keperluan penaiktarafan bekalan elektrik bagi dua (2) kampung bagi keperluan pembangunan baru. Ketiadaan infrastruktur elektrik ini menyukarkan penduduk untuk membina kawasan perumahan baru terutamanya golongan generasi muda. Dalam merencana pembangunan infrastruktur yang berkesan, aspek penyediaan dan penyelenggaraan bekalan elektrik hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan kelangsungan bekalan air bersih untuk kawasan desa.

Perincian kawasan yang terlibat adalah seperti Rajah 5.3.

Rajah 5.3: Cadangan Penekanan Kawasan Gangguan Bekalan Elektrik



Sumber: Kajian Lapangan dan Sesi Bengkel FGD, 2021


Dalam usaha mencapai kawasan desa yang sejahtera dan lengkap dengan kemudahan asas infrastruktur, berikut merupakan senarai kampung yang telah dikenal pasti dan perlu diberikan penekanan segera.

Jadual 5.2: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Elektrik

Daerah	Mukim	Bil	Lokasi	Bekalan Elektrik Alternatif / Isu Permasalahan	Anggaran Bil. Rumah	Cadangan	Fasa
Muar	Sg. Balang	1	Kg. Sg. Balang Besar	Keperluan bagi generasi muda Jalan ladang kebun dan sawah padi	TB	Bina Baru Sistem Hibrid Solar + Janakuasa Diesel	F1
	Sg. Raya	2	Kg. Sg Raya (kawasan Parit Osman Kiri)	Gangguan bekalan elektrik (terputus)	-	Naiktaraf sedia ada	F2
Segamat	Labis	1	Kg. Temayor	Lokasi rumah yang jauh	10	Bina Baru	F1
		2	Kg. Tenang	Lokasi rumah yang jauh	9	Bina Baru	F1
		3	Kg. Usaha Jaya	Keperluan bagi generasi muda	-	Bina Baru	F1
		4	Kg. Felda Chemplak	Keperluan bagi generasi kedua	-	Bina Baru	F1
		5	Kg. Sawah Bahru	Isu lokasi yang jauh (ladang ternakan)	2	Sistem Hibrid Solar + Janakuasa Diesel	F2
		6	KOA Peta	Lokasi rumah yang jauh	9	Bina Baru	F1
		7	Kg. Sri Tuah	Keperluan bagi kawasan perumahan batu	-	Bina Baru	F1
	Jabi	8	Kg. Jabi	Lokasi rumah yang jauh	1	Bina Baru	F1
	Pogoh	9	Kg. Paya Pulai (Tanah Perkuburan Islan 1)	Jalan ke tanah wakaf gelap tiada lampu jalan.	-	Penyambungan bekalan elektrik ke tanah perkuburan.	F2
		10	Kg. Paya Pulai - Tanah Perkuburan Islan 2	Jalan ke tanah wakaf gelap tiada lampu jalan.	-	Penyambungan bekalan elektrik ke tanah perkuburan.	F2
		11	Jalan utama dari Kg. Chodan ke Kg. Tekam	Tiada bekalan elektrik di sepanjang jalan.	-	Memasang Lampu jalan (30 batang) setiap 100 meter 1 lampu sepanjang jalan Kg. Chodan menghala Kg. Tekam sejauh 3 Km	F2
		12	Tanah wakaf Kg. Danau Panjang	Jalan ke tanah wakaf gelap tiada lampu jalan.	-	Penyambungan bekalan elektrik ke tanah perkuburan.	F2
		Gemereh	13	Kg. Tanjung Sengkawang	Sering berlaku terputus bekalan elektrik	40	Naik taraf <i>single phase</i> kepada <i>three phase</i> .
	Buluh Kasap	14	Kg. Balai Badang	Lokasi rumah yang jauh	6	Bina Baru	F1
Tangkak	Serom	1	Kg. Serom 4	Keperluan bagi generasi kedua	-	Bina Baru	F1
	Kundang	2	Kg. Teluk Rimba	Gangguan bekalan elektrik (terputus) dan isu kabel lama	-	Naiktaraf sedia ada	F2

Sumber: Kajian Lapangan dan Sesi Bengkel FGD, 2021

Rajah 5.4: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Elektrik



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- |  |   |   |   |
|--|---|---|---|
| <span style="color: magenta;">●</span> Taburan Kampung Daerah Muar | <span style="border: 1px solid blue; border-radius: 50%; padding: 2px;">1</span> Kg. Sg. Balang Besar | <span style="border: 1px solid orange; border-radius: 50%; padding: 2px;">1</span> Kg. Temayor        | <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">1</span> Kg. Serom 4     |
| <span style="color: blue;">●</span> Taburan Kampung Daerah Tangkak | <span style="border: 1px solid blue; border-radius: 50%; padding: 2px;">2</span> Kg. Sg. Raya         | <span style="border: 1px solid orange; border-radius: 50%; padding: 2px;">2</span> Kg. Tenang         | <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">2</span> Kg. Teluk Rimba |
| <span style="color: red;">●</span> Taburan Kampung Daerah Segamat  |   | <span style="border: 1px solid orange; border-radius: 50%; padding: 2px;">3</span> Kg. Usaha Jaya     |   |
| Sempadan Bandar (UGB dan UCB)                                      |   | <span style="border: 1px solid orange; border-radius: 50%; padding: 2px;">4</span> Kg. Felda Chemplak |   |
| Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)                                      |   | <span style="border: 1px solid orange; border-radius: 50%; padding: 2px;">5</span> Kg. Sawah Bahru    |   |
| Sempadan Daerah  |   | <span style="border: 1px solid orange; border-radius: 50%; padding: 2px;">6</span> KOA Selai          |   |
| Sempadan Negeri  |   | <span style="border: 1px solid orange; border-radius: 50%; padding: 2px;">7</span> Kg. Sri Tuah       |   |
| Lebuhraya PLUS   |   | <span style="border: 1px solid orange; border-radius: 50%; padding: 2px;">8</span> Kg. Jabi           |   |
| Rangkaian Jalan Raya   |   |   |   |
| Laluan Kereta Api  |   |   |   |
| Laut   |   |   |   |